



- 1) Penyertaan adalah terbuka kepada semua **MPP / JKM / Persatuan / Kelab / Pelajar yang berdaftar** dengan Universiti Teknologi Malaysia.
- 2) Penyertaan bagi **Anugerah Pemimpin Pelajar Antarabangsa & Anugerah International Student Society (ISS) Terbaik** dibuka kepada semua pelajar antarabangsa yang belajar di peringkat **Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD**.
- 3) Penyertaan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum** dibuka kepada semua Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) yang belajar di peringkat **Diploma/Sarjana Muda/Sarjana/PhD**.
- 4) Penyertaan juga terbuka kepada semua **staf UTM** yang berdaftar dan sedang dalam perkhidmatan semasa permohonan dibuat.
- 5) Penilaian adalah bagi program yang dianjurkan **sepanjang sesi 2022/2023 (Tarikh Penilaian: 17 Oktober 2022 hingga 16 Oktober 2023) sahaja**.
- 6) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI sekurang-kurangnya 3.0 (bagi kategori individu)**.
- 7) Calon mestilah **BEBAS** daripada sebarang tindakan tatatertib universiti dan undang-undang Malaysia.
- 8) Calon dikehendaki mengisi **Borang Pencalonan Anugerah (TAPISAN PERTAMA)** melalui **Google Form** yang disediakan **selewat-lewatnya pada 10 Januari 2024**.
- 9) Semua calon yang **layak TAPISAN PERTAMA** dikehendaki menghadiri sesi bengkel/taklimat penyediaan bahan bukti secara atas talian yang akan dianjurkan oleh **JTNCHEPA** sebelum tarikh tutup penyertaan.
- 10) Borang Permohonan Anugerah yang telah lengkap diisi hendaklah disahkan oleh **Pengarah Pembangunan Aktiviti Pelajar (UTM Johor Bahru) / Pengarah Hal Ehwal Pelajar (UTM Kuala Lumpur)** dan dimuatnaik ke pautan **Google Form** yang telah disediakan.
- 11) Borang Permohonan Anugerah yang telah lengkap bersama-sama bahan bukti hendaklah dimuatnaik ke dalam sistem selewat-lewatnya pada **18 JANUARI 2024, JAM 3.00 PETANG** (Tarikh Tutup Penyertaan).
- 12) Borang yang **TIDAK LENGKAP/LEWAT DITERIMA/TIDAK MEMENUHI KRITERIA/TIADA PENGESAHAN SOKONGAN PENASIHAT TIDAK AKAN DIPROSES**.
- 13) Semua calon boleh memohon **lebih dari 1 (SATU) anugerah**.
- 14) Keputusan Jawatankuasa Penilai Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA) 2023 adalah **MUKTAMAD**.
- 15) Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi :  
*Urus setia*  
*Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA) 2023*  
*Bahagian Aktiviti & Pembangunan Pelajar*  
*Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)*  
*UTM Johor Bahru*  
**(u/p: En. Mohd Zainuddin bin Musoh / 017-7321007)**  
**atau**  
*Urus setia*  
*Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA) 2023*  
*Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)*  
*UTM Kuala Lumpur*  
**(u/p: Pn. Eva Sriaza binti Muhamad Ariff / 012-2305604)**